



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

NOVEMBER - DISEMBER 2014

BULETIN

EDARAN DALAMAN



BANJIR

KPWKM Terus
Komited

OKU

Pembangunan
Lestari, Aksesibiliti
Diutamakan

10 SAAT

Pelukan Keluarga

ISI KANDUNGAN

	FOKUS
01	BANJIR : KPWKM KOMITED BANTU MANGSA BANJIR
02	BANJIR : SKUAD SUKARELAWAN KPWKM
03	BANJIR : PERSEDIAAN AWAL JKM
	BERITA
04	DEKLARASI SEOUL
06	MAJLIS MALAM APRESIASI KPWKM 2014
08	PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM
	PROGRAM
10	SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2014
12	MAJLIS SAMBUTAN HARI WARGA EMAS DAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN
14	KONVENSYEN PENGARAH WANITA 2014
16	SAMBUTAN HARI OKU PERINGKAT KEBANGSAAN
	BERITA AGENSI
18	KARNIVAL USAHAWAN WANITA SEMPENA FESTIVAL BERGANDANG BEAUFORT SABAH
20	MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI JKM 2014
22	INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOCIAL ENTREPRENEURSHIP
24	PEMETRAIAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN ANTARA JAKIM DAN LPPKN
26	MAJLIS SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA
28	SEMINAR KEBANGSAAN KEBAJIKAN PRODUKTIF
	LENSA
30	TIP PANDUAN DAN LANGKAH MENGHADAPI BANJIR
34	BUKU TERKINI DI PUSAT SUMBER KPWKM



KPWKM KOMITED BANTU MANGSA BANJIR

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bertindak pantas dalam membantu mangsa banjir yang melibatkan enam (6) buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Johor. JKM telah menyalurkan bantuan untuk mangsa-mangsa bencana yang terlibat sejak hari pertama banjir melanda di negeri tersebut. Jenis bantuan yang disalurkan melalui pusat-pusat pemindahan yang dibuka adalah Kit Bencana (alat kebersihan diri), makanan kering, tikar, selimut dan pakaian.

Di antara masalah yang dihadapi di pusat pemindahan dan mangsa ialah ketiadaan bekalan air dan elektrik, perhubungan jalan terputus dan seterusnya menjejaskan proses penghantaran bekalan makanan kepada mangsa-mangsa di pusat-pusat pemindahan.

Walaubagaimanapun bagi mengatasi masalah ini, Majlis Keselamatan Negara telah menyewa

trak-trak bagi tujuan penghantaran makanan, penyediaan tandas bergerak dan bekalan generator.

Manakala JKM pula, bersama-sama dengan jawatankuasa kecil di pusat pemindahan, pemimpin tempatan dan sukarelawan sentiasa membuat proses pendaftaran mangsa banjir, menyediakan keperluan asas, menjaga keselamatan, kebersihan, menyediakan makanan serta mengatur aktiviti yang bersesuaian untuk mangsa-mangsa di pusat pemindahan.

Sehingga 29 Disember 2014, seramai 74 orang Pegawai Psikologi JKM terlibat dalam misi pengendalian intervensi krisis kepada mangsa banjir (dewasa dan kanak-kanak) melibatkan aktiviti psikoterapi, psikopendidikan, bimbingan dan sokongan psikologikal di pusat-pusat pemindahan yang boleh diakses setakat ini.



Dato' Sabariah Hassan, KSU KPWKM melawat Depoh Simpanan Bencana JKM di Kuantan Pahang



Dato' Sabariah Hassan, KSU KPWKM melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Kuantan Pahang



Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri KPWKM menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kuantan Pahang

SUKARELAWAN #KPWKMPRIHATIN BANTU MANGSA BANJIR



Barisan Sukarelawan #KPWKMPRIHATIN bergambar sebelum bertolak ke pusat-pusat pemindahan mangsa banjir

Seramai kira-kira 113 orang Sukarelawan #KPWKMPrihatin menyertai misi bantuan banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak. Sukarelawan yang terdiri daripada warga Kementerian dan Agensi-agensi dibawahnya memulakan misi bantuan banjir yang pertama pada 31 Disember 2014 hingga 4 Januari 2015, diikuti kumpulan kedua pada 5 hingga 10 Januari 2015. Antara tugas yang dilaksanakan adalah kerja-kerja pembersihan, pengasingan dan pengagihan barang keperluan kepada mangsa banjir mengikut kumpulan sasar di tiga lokasi pusat pemindahan banjir, depoh penyimpanan barang dan pusat pengumpulan barang serta aktiviti sokongan moral kepada mangsa banjir.

Sukarelawan ini juga diselia oleh command centre KPWKM yang berpusat di aras 26 bagi memastikan pengurusan dan pergerakan sukarelawan ini diselaraskan. Command Centre yang terdiri daripada urusetia Bahagian Dasar Sosial Negara, Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputra, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Kewangan, Unit Komunikasi Korporat dan Bahagian Pengurusan Maklumat, memantau

laporan semasa setiap pasukan sukarelawan bagi mendapatkan info terkini keperluan sebenar dan segera yang diperlukan oleh mangsa banjir.

Penubuhan sukarelawan ini yang bertujuan membantu JKM dalam pengurusan bencana banjir akan meneruskan pergerakan kumpulan ke tiga pada 12 Januari 2015 dengan melibatkan kira-kira 150 sukarelawan lagi bagi melaksanakan kerja-kerja pengumpulan, pengasingan dan pengagihan barang-barang bantuan di Depoh TUDM Perak, Melaka dan Kedah.

Kerja-kerja pembersihan oleh Skuad Sukarelawan KPWKM



Persediaan ke pusat pemindahan banjir



Dato' Sri Rohani memasang collapsible partition

Antara stok simpanan barang

BANJIR : PERSEDIAAN AWAL Oleh JKM

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melakukan penambahbaikan dalam persiapan menghadapi banjir tahun ini termasuk penyediaan pusat pemindahan banjir berkapasiti besar dan memperluas penggunaan bangunan kerajaan dan swasta sebagai pusat pemindahan. Pusat pemindahan berkapasiti besar tersebut boleh menampung antara 2,000 hingga 5,000 mangsa dalam satu masa.

Sebagai persediaan awal JKM telah mengenal pasti sebanyak 4,961 pusat pemindahan banjir yang boleh menampung kira-kira 1,342,302 orang. JKM juga telah menambah 10 peratus stok barangan keperluan sebagai langkah meningkatkan persediaan dan kesiapsiagaan untuk menghadapi musim tengkujuh. JKM telah bersedia dengan lebih awal bagi memastikan peruntukan dan stok bekalan makanan dan barangan keperluan mencukupi untuk diagihkan.

Beberapa jawatankuasa di pusat pemindahan

banjir juga telah diwujudkan dengan lebih awal untuk melicinkan segala urusan iaitu jawatankuasa pendaftaran mangsa, jawatankuasa bekalan keperluan, jawatankuasa makanan, jawatankuasa kebersihan, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan, jawatankuasa aktiviti dan jawatankuasa sukarelawan.

Bagi tujuan mempertingkatkan keupayaan dalam mengurus dan mengendalikan bencana dari segi penyediaan ruang privasi kepada mangsa, JKM telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu pada tahun ini iaitu dengan mewujudkan pembahagi boleh lipat (collapsible partition), khemah boleh lipat (collapsible tent) dan foam mat. Antara ciri inovasi collapsible partition ini ialah ianya boleh dijadikan sebagai pemisah atau boleh disambungkan untuk dijadikan bilik atau kiub dengan menggunakan fungsi cangkuk dan stopper. Selain itu, partition tersebut boleh disusun dan diatur mengikut ruang/layout yang ditetapkan untuk ruang tidur, solat, bilik persalinan dan rawatan.

SEOUL, 5 Disember : YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Menteri dan delegasi dari negara China, Indonesia, Laos, Jepun, Filipina, Korea, Thailand, Timor Leste dan Vietnam telah menandatangani Deklarasi Seoul di *6th East Asia Ministerial Forum on Families* yang telah berlangsung selama tiga hari bermula dari 3 sehingga 5 Disember 2014.

Deklarasi tersebut memperakui institusi kekeluargaan merupakan elemen dan nilai yang penting di Asia Timur dan memainkan peranan yang kritikal dalam mewujudkan komuniti Asia yang mampan pada masa hadapan.

Deklarasi Seoul juga menyokong bahawa kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan sesebuah institusi kekeluargaan dan masyarakat. Dari aspek tanggungjawab bersama ibu bapa pula, penglibatan sepenuhnya oleh wanita adalah amat kritikal dalam sesebuah keluarga kerja.

Pada kenyataan bersama yang dilakukan oleh menteri dan ketua delegasi yang bertanggungjawab kepada polisi yang berkaitan kekeluargaan meluahkan kebimbangan bahawa persekitaran yang mesra-keluarga masih lagi gagal dilaksanakan secara menyeluruh akibat beberapa kekangan antaranya kurangnya polisi yang mesra-keluarga, waktu bekerja yang panjang dan budaya organisasi yang tidak fleksibel di tempat kerja.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan sedaya upaya memastikan 12 perkara yang disyorkan dalam deklarasi, termasuk menggesa pihak majikan

DEKLARASI SEOUL: KESAKSAMAAN GENDER DAN PEMERKASAAN WANITA TINGKATKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA



Dato' Sri Rohani dan rombongan KPWK bergambar bersama Duta Malaysia di Korea



Delegasi bergamabr di acara penutup The 6th East Asia Ministerial Forum on Families

untuk mengimplementasi dan memperkasakan polisi tempat kerja yang mesra keluarga seperti waktu kerja yang fleksibel, cuti menjaga anak, fasiliti taska di tempat kerja serta memastikan keseimbangan kualiti kerja - keluarga dengan pewujudan budaya organisasi yang mesra-keluarga.

Para delegasi turut menyokong cadangan untuk mewujudkan indeks antarabangsa persekitaran sosial mesra-keluarga yang boleh digunapakai oleh negara-negara Asia Timur. Hasil kajian tersebut akan dibincangkan dalam forum seterusnya yang akan diadakan di negara Thailand pada November 2016.



Dato' Sri Rohani bergambar mesra dengan menteri-menteri dan ketua delegasi dari enam negara Asia Timur



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Majlis Malam Apresiasi KPWK M 2014

NOSTALGIA JALAN AMPAS

KUALA LUMPUR, 13 Disember – 1000 warga kerja KPWK dan agensi mengamatkan Majlis Malam Apresiasi KPWK 2014 (MMA2014) bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Pemilihan tema “P. Ramlee & Saloma : Nostalgia Jalan Ampas” ini amat serasi dengan jiwa seluruh warga kerja KPWK yang hadir pada malam tersebut.

Suasana pada malam tersebut terus membawa hadirin ke zaman filem Melayu yang mendapat tempat di persada perfileman antarabangsa pada suatu ketika dulu. Pada masa itu Jalan Ampas boleh dikatakan “Hollywood” Asia yang menaikkan nama penggiat-penggiat seni filem Melayu terutamanya lagenda negara, Allahyarham Tan Sri P.Ramlee.

Dato’ Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan perasmianya berkata “Dalam menyambut ‘Nostalgia Jalan Ampas’ ini, saya berpendapat kita sepatutnya amat sedih bahawa era kegemilangan filem Melayu yang dipacukan oleh Studio Jalan Ampas kini tiada lagi. Malah seperti mana dikatakan oleh Tan Sri P.Ramlee

dalam lagu ‘di mana kan ku cari ganti’, industri perfileman negara kita telah mengalami kemerosotan kreativiti dan talent. Tanpa kesinambungan yang akan membawanya ke tahap yang setanding Hollywood atau Bollywood atau Busan-wood, sehingga hari ini, industri perfileman negara belum dapat mencari penggantinya”.

Objektif utama Majlis Malam Apresiasi KPWK adalah untuk menghargai komitmen yang berterusan oleh warga kerja KPWK dalam memberikan khidmat kepada kumpulan sasar. Penghargaan khas juga diberikan kepada warga kerja KPWK dan agensi yang terlibat secara langsung dalam pengurusan tragedi MH17 dan MH370.

Tetamu yang hadir pada malam tersebut dihidangkan dengan persembahan klasik dari wakil KPWK dan agensi dibawahnya. Kumpulan yang memenangi persembahan adalah wakil dari LPPKN yang mempersembahkan sketsa Ahli Baba Bujang Lapok.

Semoga seluruh warga KPWK akan memulakan tahun baru dengan azam dan komitmen yang tinggi untuk terus mendukung nama Kementerian Pembangunan



Barisan pengacara yang menggamatkan MMA 2014



Persembahan Oleh JKM



Persembahan Oleh ISM



Persembahan Oleh NIEW



Persembahan Catwalk oleh barisan Pengurusan Tertinggi KPWK



Persembahan Oleh LPPKN



Persembahan Oleh Kumpulan Bakat KPWK



Pemenang Remy & Sally MMA 2014

PERHIMPUNAN BULANAN

PUTRAJAYA, 4 November – YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim menyampaikan amanat dalam majlis perhimpunan bulanan di Dewan Perdana Nur dan mengulas lanjut mengenai Bajet 2015 yang telah dibentangkan.

Beliau menyarankan agar agenda penambahbaikan kualiti hidup 8 kumpulan sasar KPWKM diberi keutamaan dan sentiasa disematkan ke dalam sanubari warga KPWKM dan semua agensi dibawahnya. “Inilah perjuangan kita yang perlu diteruskan untuk mengangkat martabat golongan sasaran kita ke arah kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera. Ini amat bertepatan dengan



Pameran Home Help JKM



Penyerahan watiwah pelantikan kepada pengurusan tertinggi untuk Pelan Tranfomasi KPWKM

hasrat Bajet 2015 yang berpaksikan “EKONOMI KEPERLUAN RAKYAT” yang mana rakyat seharusnya mendapat faedah dan menerima impak yang maksima” ujar beliau lagi.

Sempena Sambutan Hari Inovasi, Dato’ Sri Rohani Abdul Karim turut mencalonkan 3 projek inovasi untuk pertimbangan sebelum memilih satu projek bagi mewakili KPWKM dalam Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2015 iaitu Program Home Help oleh JKM, program Anjung Kasih oleh YKN dan Program MamaCare oleh LPPKN.

YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim turut menyentuh mengenai pemikiran dan kaedah menjalankan tugas bagi memastikan visi KPWKM untuk menjadi peneraju utama mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera akan tercapai.

Mengakhiri ucapannya YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim mengharapkan agar budaya inovasi akan terus menjadi sebahagian daripada amalan seluruh warga KPWKM seperti kata *Theodore Levit* “Creativity is thinking up new things. Innovation is doing new things”.



Pameran Anjung Kasih



Kakitangan KPWKM & Agensi yang hadir ke Perhimpunan Bulanan

Dato’ Sabariah mencuba perkhidmatan Peserta Mama Care





KUALA LUMPUR, 2 November – “Penghayatan kepada lima teras keluarga bahagia iaitu kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, berilmu serta harmoni (KASIH) tidak akan terlaksana sekiranya tidak diamalkan dalam kehidupan seharian. Adalah lebih baik sekiranya nilai-nilai murni dalam keluarga disampaikan melalui tindakan dan perlakuan yang lebih *caring*, *loving* dan menyentuh perasaan seperti melalui pelukan. Sebenarnya banyak cara untuk meluahkan kasih sayang dan budaya prihatin dalam

TIP!!!

Ibu bapa perlukan 10 saat setiap hari untuk memeluk anak-anak bagi menzahirkan kasih sayang mereka seperti kata Pakar Psikoterapi Virginia Satir “Kita perlu 4 pelukan sehari untuk hidup. Kita perlu 8 pelukan sehari untuk kesihatan. Kita perlu 12 pelukan sehari untuk pertumbuhan awet muda dan kebahagiaan hidup.”

keluarga yang boleh menyemarakkan suasana kebahagiaan tetapi saya lebih tertarik dengan pelukan keluarga khususnya pelukan ibu bapa kepada anak-anak”. Ini dinyatakan oleh YB. Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat ketika merasmikan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2014 dan melancarkan Kempen “10 Saat Pelukan Keluarga” di Pekarangan Stadium Bukit Jalil hari ini.

Tambah beliau lagi, kerajaan sentiasa sedar dan prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh ibu bapa khususnya dalam isu penjagaan anak termasuk kos jagaan. Oleh demikian, pihak kerajaan melalui KPWKM berusaha untuk mengurangkan beban ibubapa dwikerja dengan mewujudkan beberapa inisiatif mesra keluarga seperti yang diumumkan dalam bajet 2015 yang lepas. Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kelayakan pendapatan isi rumah bulanan penjawat awam daripada 3,000 ringgit kepada 5,000 ringgit untuk mendapatkan



Kanak-anak turut ceria menyertai aktiviti-aktiviti sempena Majlis Sambutan bulan Keluarga Kebangsaan

subsidi yuran taska sektor awam berjumlah RM180 sebulan.

Di samping itu kerajaan juga telah bercadang untuk memberi bantuan yuran taska sebanyak RM250 sebulan kepada ibu bapa berpendapatan tidak melebihi RM900 yang menghantar anak-anak ke taska swasta yang berdaftar dibawah JKM. KPWKM melalui LPPKN juga menyediakan kursus-kursus keibubapaan seperti Parenting@work (keibubapaan di tempat kerja), SMARTbelanja@LPPKN (kewangan keluarga), SMARTSTART (pra perkahwinan) dan Ilmukeluarga@lppkn (ceramah keibubapaan) bagi memberi pengetahuan kepada ibu bapa berhubung kemahiran keibubapaan.

Majlis ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila dianggarkan seramai 30,000 orang yang terdiri daripada ibubapa, anak-anak serta datuk dan nenek hadir bagi memeriahkan majlis sambutan ini yang diadakan di tapak Karnival Lan Berambek.



Orang ramai mengambil peluang hadir memeriahkan program



Bersama maskot Boboy dan Yaya



Dato’ Sri Rohani bersama keluarga tercinta

JITRA, 15 November - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini sedang dalam usaha memperkenalkan De-Institutionalisation (DI) yang mana ia merupakan proses untuk menggantikan penempatan di institusi kebajikan secara berterusan dengan menempatkan kanak-kanak, warga emas atau orang kurang upaya (OKU) di dalam komuniti.

“Dengan adanya pelaksanaan DI, selepas ini kita berharap agar penempatan kanak-kanak, warga emas dan OKU di institusi kebajikan akan menjadi jalan terakhir untuk dihantar ke institusi kebajikan kerana kita sedar bahawa persekitaran institusi keluarga yang sebenar dapat menentukan pembangunan generasi yang berkualiti dengan sahsiah yang sempurna,” kata



Program *Like Facebook* KPWKM & Agensi



Penyampaian Tokoh Emas Kebangsaan 2014



Penyampaian Anugerah Tunas Jaya Gemilang 2014



Warga emas turut serta dalam permainan uji minda KPWKM



Pemenang Anugerah Pingat Hang Tuah

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Sri Rohani Abdul Karim.

Proses ini bertujuan bagi membolehkan kanak-kanak, warga emas dan OKU yang berada di dalam institusi dapat kembali bersama dalam persekitaran keluarga apabila mereka turut bersama-sama dalam kelompok komuniti. Selaras dengan konsep tersebut juga, JKM bakal membina sebuah institusi yang dinamakan sebagai Kompleks Sinar Kasih yang akan dibina di Nibong Tebal, Pulau Pinang pada tahun 2015 bagi merealisasikan kesepaduan antara warga emas dan kanak-kanak.

Tambah beliau lagi, dengan terbinanya institusi berkonsepkan intergenerasi ini diharap agar nilai-nilai murni yang ada pada warga emas dapat diterapkan kepada anak-anak yang ditempatkan di institusi yang sama bagi mengekalkan persekitaran kekeluargaan.

Majlis yang bertemakan 2Generasi, 1Aspirasi ini telah dirasmikan oleh Dato' Seri Hj Mukhriz

Tun Mahathir, Menteri Besar Kedah di Dewan Wawasan, Jitra, Kedah. Pada kemuncak majlis tersebut juga turut menyaksikan penyampaian Anugerah Pingat Hang Tuah bagi kanak-kanak dan Anugerah Tokoh Emas bagi Warga Emas.

Lain-lain anugerah yang turut disampaikan adalah Anugerah Khas Warga Emas 2014 untuk warga emas yang berusia tetapi masih sihat dan aktif dalam memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan Negara manakala bagi kanak-kanak pula adalah Anugerah Tunas Jaya Gemilang Akademik, Anugerah Tunas Jaya Gemilang Sukan, Anugerah Tunas Jaya Gemilang Seni & Kebudayaan serta Anugerah Tunas Jaya Gemilang OKU (Terbuka).

Turut hadir sama menjayakan majlis tersebut ialah YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg Dato' Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan Pegawai-Pegawai Kanan KPWKM.



KONVENSYEN PENGARAH WANITA 2014

Permulaan Momentum bagi Inisiatif “Minimum 30% Pengarah Wanita dalam Lembaga”



“Kita telah megambil langkah secara positif dalam mendapatkan lebih ramai golongan wanita menyertai lembaga pengarah syarikat-syarikat awam di Malaysia, tetapi peratusannya masih sekadar 10.3% bagi keseluruhan peranan sebagai pengarah”

KUALA LUMPUR, 9 Disember - Hanya terdapat 10.3% golongan wanita dalam organisasi lembaga syarikat awam bagi tahun ini, iaitu peningkatan daripada 7.9% pada tahun 2012. Laporan PWC yang terkini menunjukkan jika kadar peningkatan tahunan yang sama berterusan, inisiatif untuk mencapai sasaran aspirasi paling kurang 30% perwakilan wanita dalam kedudukan sebagai pembuat keputusan bagi syarikat-syarikat awam di Malaysia menjelang tahun 2016, memerlukan hampir 100 tahun untuk direalisasikan.

“Kita telah megambil langkah secara positif dalam mendapatkan lebih ramai golongan wanita menyertai lembaga pengarah syarikat-syarikat awam di Malaysia, tetapi peratusannya masih sekadar 10.3% bagi keseluruhan peranan sebagai pengarah” ujar Dato’ Rohani Abdul Karim ketika berucap.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganjurkan Konvensyen Pengarah Wanita 2014 sebagai platform jaringan bagi golongan wanita yang bersatus ahli lembaga pengarah dan kelompok organisasi perniagaan berhubung dan berbincang mengenai perkembangan polisi “Minimum 30% Wanita dalam Kedudukan Pembuat Keputusan di sektor Korporat menjelang 2016” di Malaysia. Program ini juga adalah sebagai tanda kejayaan bagi 250 orang wanita berpotensi yang mengikuti Latihan Pengarah Wanita 2014.

Tema Konvensyen Pengarah Wanita 2014, Lembaga Pengarah 2020 : Pelaburan Kepelbagaian untuk Prestasi memfokuskan perbincangan dalam meningkatkan bilangan kedudukan wanita dalam lembaga pengarah. “Bukan kerana wanita lebih

bagus sebagai pengarah, tetapi mereka membawa satu set kemahiran berlainan bagi meningkatkan prestasi. Sebuah syarikat menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks dalam ekonomi global yang cukup berdaya saing. Dengan adanya bakat terbaik dan kepelbagaian perspektif, ini akan meningkatkan kebarangkalian kejayaan bagi sesebuah organisasi”, jelas Dato’ Seri Idris Jala, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, merangkap Ketua Pegawai Esekutif PEMANDU.

Program setengah hari ini menyaksikan pembentangan secara langsung Helena Morissey, Pengasas dan CEO bagi kelab 30%, UK yang berkongsi kisah kejayaan di mana kerjasama Negara dan usaha pemacuan bisnes yang bersepadu memainkan peranan penting dalam peningkatan penempatan wanita dalam lembaga pengarah dari 12% pada 2010 kepada 22% bagi 2012.

Program ini berjaya meraih lebih 300 peserta dari sektor korporat, ahli lembaga pengarah dan pemimpin wanita dari segenap sektor.



YB Menteri bergambar mesra bersama peserta Konvensyen

SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA

OKU

PERINGKAT KEBANGSAAN

Inisiatif Baharu Kerajaan Beri Manfaat

SEREMBAN, 3 Disember – Komitmen tinggi kerajaan dapat dilihat melalui pelbagai usaha bagi memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) di negara ini mampu menjalani kehidupan dengan lebih selesa terutamanya dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif baharu yang bermanfaat kepada mereka.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, pengenalan pelbagai inisiatif ini adalah sebagai sokongan untuk membantu OKU memaksimumkan potensi yang ada dan seterusnya menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Kerajaan sedar bahawa produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh JKM dan institusi di bawahnya mempunyai potensi untuk dibangunkan dan dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Majlis Sambutan Hari OKU pada tahun ini bertemakan "Pembangunan Lestari: Aksesibiliti Diutamakan" memberi penekanan kepada pembangunan yang dapat memenuhi keperluan pada masa sekarang tanpa menjejaskan keupayaan keperluan masa hadapan serta mengimbangi semua aspek keperluan hidup termasuk memberi keutamaan kepada aspek aksesibiliti.

Datin Paduka Chew Mei Fan beramah mesra bersama tetamu yang hadir ke Majlis Sambutan #HOKU 2014

Majlis disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Mukhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir di Dewan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Pada kemuncak majlis tersebut juga turut menyaksikan penyampaian Anugerah PDK Cemerlang,



Ketibaan DYMM YDP Besar Negeri Sembilan, Tuanku Mukhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

Anugerah Khas OKU Kategori Usahawan, Akademik dan Sukan; Penghargaan kepada penerima Kategori Majikan Prihatin serta PBT Prihatin.

Keprihatinan kerajaan terhadap golongan ini terbukti dengan pemberian peruntukan sebanyak RM461.1 juta di bawah Bajet 2015 bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kepada OKU. Sehingga September 2014, seramai 506,228 OKU telah berdaftar dengan JKM.

Turut hadir sama di majlis adalah DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Datin Paduka Chew Mei Fun, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Hasan dan isteri, Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWK, Dato' Norani Haji Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Encik Abdullah Hanapi, Pengarah JKM Negeri Sembilan serta 2,000 OKU dari seluruh negara.



Antara tetamu yang hadir ke Majlis Sambutan #HOKU 2014



Antara tetamu yang hadir ke Majlis Sambutan #HOKU 2014 bergambar kenangan dengan Pengurusan Tertinggi



Peserta Bola Sepak Negeri Sembilan bergambar mesra dengan YDP Besar Negeri Sembilan

KARNIVAL USAHAWAN WANITA SEMPENA FESTIVAL BERGANDANG BEAUFORT SABAH

Kajian Pasaran Kerja Meningkat Kepada 53.7% Pada Suku Kedua Tahun 2014



Anuar Zain menggamatkan suasana dengan persembahan yang cukup menghiburkan

BEAUFORT, 18 November – Kerajaan telah menetapkan sasaran kadar penyertaan wanita dalam pasaran kerja sebanyak 55% pada tahun 2015. Hasil daripada pelbagai strategi yang telah dilaksanakan, setakat suku kedua tahun 2014, statistik menunjukkan Malaysia telah mencapai sebanyak 53.7% tenaga kerja wanita dalam pasaran kerja.

Hal ini telah dinyatakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Sri Rohani Abdul Karim ketika merasmikan 'Karnival Usahawan Wanita' di Pentas Utama Tapak Tamu, Beaufort, Sabah semalam.

Menurut Rohani, melalui bidang keusahawanan juga sememangnya memberi peluang kepada lebih ramai wanita memasuki pasaran pekerjaan dan memiliki pendapatan sendiri, di samping meningkatkan ekonomi keluarga.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Datuk Hajah Azizah Datuk Panglima Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Dato' Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, dan Dato' Munirah Binti Abdullah Bajanuddin, Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita.



Warga Kementerian bersama usahawan yang turut serta dalam karnival



“Harapan saya kepada wanita di luar sana adalah percayalah kepada diri sendiri. Dengan kepercayaan akan kekuatan diri sendiri, kita akan meningkatkan keyakinan diri dan seterusnya kita boleh berjaya dalam apa-apa bidang perniagaan. Theodore Roosevelt yang pernah menjadi Presiden Amerika Syarikat telah berkata: “Believe you can and you're halfway there”
-Dato' Sri Rohani Abdul Karim-

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI JKM 2014

JKM-TPM Hasil 10 Produk Inovasi



Datin Paduka Chew Mei Fan melihat hasil inovasi yang dihasilkan

KUALA LUMPUR, 18 November - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) akan membangunkan produk-produk inovasi yang telah direkapi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Daerah dan Institusi di bawah JKM.

Menurut Timbalan Menterinya, Datin Paduka Chew Mei Fun, JKM telah menjalinkan kerjasama dengan Technology Park Malaysia (TPM) bagi membangunkan beberapa produk inovasi yang dicadangkan kerana agensi terbabit mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam pembangunan produk-produk inovasi.

“Terdapat lebih 10 produk inovasi yang dihasilkan oleh warga JKM untuk dikomersilkan melalui Program Inovasi Inklusif “Women Innovate” yang terdiri daripada produk-produk keperluan harian, barangan wanita, alat bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain lagi,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Inovasi JKM 2014 di sini hari ini.

“Anugerah Inovasi JKM 2014 kali ini turut disertai oleh sejumlah 90 penyertaan mewakili Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Daerah dan Institusi JKM yang melibatkan enam (6) kategori pertandingan,” tambah beliau lagi.

Pelaksanaan Majlis Sambutan Hari Inovasi adalah merupakan agenda tahunan JKM bagi mengiktiraf usaha yang telah dilaksanakan oleh seluruh warga JKM ke arah membudayakan inovasi dan kreativiti dalam menghasilkan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada kumpulan sasar JKM.



Bergambar kenangan dengan penerima-penerima Anugerah Inovasi JKM

Dalam majlis yang sama juga turut menyaksikan upacara pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) di antara TPM dengan JKM melibatkan pembangunan dan pengkomersilan produk inovasi JKM.

“Melalui MoU yang dimeterai dalam tempoh setahun ini, saya berharap agar produk-produk inovasi JKM dapat dikomersilkan untuk kegunaan orang awam dan tidak hanya digunakan oleh agensi atau institusi tertentu sahaja,” katanya.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah Dato’ Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan pegawai-pegawai kanan JKM.



Sesi pertukaran dokumen MoU antara Technology Park Malaysia dengan JKM disaksikan oleh Datin Paduka Chew Mei Fun

INTERNATIONAL CONFERENCE ON SOCIAL ENTREPRENEURSHIP 2014



GENTING HIGHLAND, 9 November - Persidangan ini bertujuan untuk mewujudkan suatu landasan bagi perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan sosial. Secara umumnya keusahawanan sosial melibatkan individu, institusi atau komuniti yang mempunyai penyelesaian kreatif dan inovatif dalam mengatasi masalah sosial yang sedang dihadapi oleh masyarakat.

Persidangan ini membincangkan pendekatan keusahawanan sosial bagi memperkasakan komuniti terpinggir dengan kebolehan meningkatkan taraf kehidupan mereka. Golongan belia merupakan pihak yang paling terdedah dengan cabaran daripada segi sosial dan ekonomi. Ini adalah berdasarkan kepada peningkatan kadar pengangguran dan terjebaknya mereka di dalam aktiviti sosial yang tidak sihat. Sehubungan itu, persidangan ini akan menjana kefahaman yang mendalam bagi membantu golongan belia ini dan masyarakat amnya.

Persidangan ini turut memberi pendedahan kepada para peserta tentang makna, konsep, isu dan cabaran berkaitan keusahawanan sosial termasuklah kebolehpasaran pelajar, menjadikan medan pertemuan kepada para peserta daripada pelbagai institusi dan komuniti untuk berinteraksi dan berkongsi idea dalam membincangkan hasil penyelidikan, program dan pengalaman keusahawanan sosial dan kebolehpasaran pelajar, menghimpunkan para akademik, usahawan dan ahli komuniti yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan sosial dan kebolehpasaran pekerja dengan para peserta dan akhir sekali membina jaringan antara peserta dari dalam dan luar negara.

Tokoh-tokoh yang dijemput untuk menyampaikan ucap tama ialah Tan Sri Razali Ismail, Pro-Canselor, USM dan Pengerusi Global Movement of Moderates Foundation, Prof. Albert Teo dari National University of Singapore, Prof. Dileep Kumar M dari Fakulti Perniagaan, UUM dan YBhg Dr. Shuhaili bin Sharif dari Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.



Pelajar UNIMAS Sarawak memberikan penerangan berkenaan projek mereka kepada Datin Paduka Chew Mei Fun



Datin Paduka Chew Mei Fun melawat booth Purple DNA



Datin Paduka Chew Mei Fun memukul gong sebagai simbolik perasmian International Conference On Social Entrepreneurship 2014



Antara peserta yang hadir ke International Conference On Social Entrepreneurship 2014

PEMETERAIAN PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DAN LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

Mou JAKIM Dan
LPPKN Ke Arah
Pengukuhan Institusi
Keluarga

KUALA LUMPUR, 5 November 2014 – “Kestabilan dan daya tahan sesebuah keluarga banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti interaksi dalam keluarga, fungsi dan peranan ahli keluarga, tanggungjawab dan pengurusan kewangan. Namun faktor luaran juga tidak boleh dipandang remeh seperti pengaruh media, persekitaran dan kerjaya. Semua ini menjadi penyumbang kepada halatuju sesebuah keluarga dan tanggungjawab untuk mencapai matlamat keluarga Malaysia yang sejahtera memerlukan kerjasama pelbagai agensi.” Ini dinyatakan oleh Dato’ Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika berucap dan menyaksikan Pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MOU) antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Dewan Putra, Hotel Putra, Kuala Lumpur.

MOU yang ditandatangani oleh Dato’ Hj. Othman Musthapa, Ketua Pengarah JAKIM dan Dato’ Dr. Siti Norlasiah binti Ismail, Ketua Pengarah LPPKN antara lain bertujuan untuk memperkukuhkan bidang kerjasama JAKIM dan LPPKN dalam program dan



Pertukaran MoU Ke Arah Pengukuhan Institusi Keluarga



Penyerahan MoU antara kedua-dua belah pihak

aktiviti berkaitan perkahwinan dan kekeluargaan serta perkongsian data dan hasil penyelidikan, bahan penerbitan dan maklumat dalam kedua-dua bidang tersebut.

Menurut Dato’ Sri Rohani Abdul Karim lagi, kerjasama kedua-dua agensi ini diharap dapat meningkatkan skor Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahap 7.55 pada tahun 2011 kepada tahap melebihi skor 8 di masa akan datang serta menjadi platform untuk sama-sama memacu kestabilan dan pengukuhan keluarga Malaysia.

Majlis pemeteraian ini turut disaksikan oleh Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



Sesi menandatangani MoU Ketua Pengarah JAKIM dan Ketua Pengarah LPPKN sambil diperhatikan oleh Dato’ Sri Rohani Abdul Karim dan Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir Baharom

MAJLIS SAMBUTAN HARI ANTARABANGSA



Kempen Heforshe: Tonjolkan Peranan Lelaki Sebagai Pelindung Wanita



Dato' Sri Rohani bergambar kenangan bersama selebriti

KUALA LUMPUR, 25 November – Kempen Heforshe adalah salah satu kempen yang dijalankan oleh United Nation (UN) berkonsepkan kesaksamaan gender. Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan peranan lelaki sebagai pelindung wanita.

Hal ini supaya golongan lelaki dapat memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap wanita dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap segala bentuk keganasan dan diskriminasi yang dihadapi oleh kaum wanita.

Dalam kempen tersebut, pihak Kementerian telah memanggil beberapa selebriti juga sebagai tanda sokongan dan bentuk Corporate Sosial Responsibility (CSR) atau tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dalam mencetuskan kesedaran agar keganasan terhadap wanita dihentikan. Antara selebriti yang terlibat dalam kempen ini adalah Dato' Aznil Hj. Nawawi, Fahrin Ahmad, dan Mark Adam.

“Berdasarkan rekod pihak Polis DiRaja Malaysia, pada Januari sehingga September tahun lalu, sebanyak 2558 kes keganasan rumah tangga dilaporkan berbanding tahun ini yang hanya mencatat sebanyak 3673 kes keganasan rumah tangga pada tempoh yang sama iaitu peningkatan yang ketara sebanyak 43.6 peratus pada suku ketiga tahun ini”, kata Rohani ketika merasmikan sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita di Terminal Bersepadu (TBS), Bandar Tasik Selatan semalam.

Beliau yakin salah satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes berkenaan keganasan rumah tangga adalah disebabkan kesedaran oleh kaum wanita untuk melaporkan/membuat aduan terhadap keganasan yang berlaku terhadap diri mereka.

“Saya percaya dan yakin, kempen atau program yang kami jalankan melalui JPW dan semua agensi dibawah KPWKM telah berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai supaya menghormati wanita dan menghentikan keganasan terhadap golongan tersebut”, tambah Rohani lagi.

”Saya tidak menafikan kejayaan ini adalah hasil kerjasama dengan pelbagai pihak seperti agensi kerajaan yang lain, NGO dan pihak swasta yang terlibat secara tidak langsung dan memberi ruang kepada kami untuk menggunakan platform mereka bagi menjalankan kempen dan program berkenaan”, ujar beliau.

Turut hadir ialah Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, Wee Beng Lee, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Dato' Norsham Rahin, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM dan Dato' Munirah Abdullah Bajanuddin, Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita.



Tanda sokongan kepada Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita



Antara pengunjung yang hadir



Simbolik Pelancaran Majlis Perasmian Sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2014

SEMINAR KEBANGSAAN KEBAJIKAN PRODUKTIF

Perkasa Sosioekonomi Penerima Bantuan Produktif



Dato' Sri Rohani bergambar kenangan bersama sebahagian daripada peserta seminar

BANGI, 13 November – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan inisiatif “2 Years Exit Programme” yang bertujuan untuk memperkasakan penerima bantuan yang produktif supaya dapat berdikari sepenuhnya dalam tempoh dua tahun penerimaan bantuan.

Menurut Menterinya, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, bagi membendung sindrom kebergantungan terhadap bantuan Kerajaan semata-mata, projek rintis program tersebut telah dijalankan di Negeri Perlis dan Negeri Sembilan mulai bulan September 2014 yang melibatkan seramai 500 orang penerima

bantuan yang produktif dalam pelaksanaan projek tersebut.

“Antara program yang bakal dilaksanakan adalah 1AZAM, pemberian Geran Pelancaran, I-KIT, I-keuNita, Bazar wanita Malaysia dan program Mamacare. Seramai 4,645 orang penerima bantuan yang produktif telah ditawarkan Geran Pelancaran atau terdapat dalam program penempatan pekerjaan dengan kerjasama JobsMalaysia,” katanya kepada pemberita ketika merasmikan Majlis Penutup National Seminar on Productive Welfare (NSPW) 2014 di sini hari ini.

Tambah Rohani lagi, program yang berteraskan Productive Welfare ini adalah selari dengan hasrat kerajaan dalam mentransformasikan perkhidmatan bantuan kewangan JKM kepada perkhidmatan yang bukan sekadar memberi bantuan wang semata-mata tetapi lebih menyeluruh ke arah pembangunan masyarakat berkeperluan sebagai modal insan yang produktif.

“Perkhidmatan bantuan ini dilihat sebagai ‘perkhidmatan transit’ sahaja bagi klien yang produktif agar berusaha memperkasakan diri untuk membawa perubahan kepada tahap sosioekonomi yang lebih baik dan menikmati kehidupan yang lebih sejahtera,” katanya.

“Disampingitu,kitajugaakanmelaksanakan *Business Transformation and Reengineering* terhadap perkhidmatan bantuan dengan memperluaskan lagi *2 Years Exit Programme* ini ke seluruh negara mulai tahun 2015 dan bagi mengukuhkan kelestarian *Productive Welfare* sebagai satu pusat / hub penyelidikan, pembungkusan dan pemasaran produk kumpulan sasar JKM sebuah pusat yang dikenali sebagai *Productive Welfare Center* bakal diwujudkan,” tambah Rohani lagi.

Turut hadir sama pada program tersebut ialah Dato' Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, Dato' Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Dr. Al Azmi Bakar, Ketua Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM), dan Prof Madya Dr. Azlinda Azman, Ketua Jabatan Kerja Sosial, Universiti Sains Malaysia.



Hasil kerja tangan penghuni institusi JKM



Perasmian Seminar Kebangsaan Kebajikan Produktif



Retreat KPI dan SKT KPWK 2015 di Avilion Legacy, Melaka pada 5-6 Disember 2014



Pameran SATU di Karnival Lan Berambek pada 30 Oktober - 2 November 2014 di Stadium Nasional Bukit Jalil



Datuk Hajah Azizah Mohd Dun bergambar kenangan bersama peserta Suri @Cocacola pada 19 November 2014 di Beauford, Sabah



Pameran SATU di program Suri @Cocacola pada 19 November 2014 di Beauford, Sabah



Wakil KPWK dalam 9 11.12.2014 Pertandingan Gegar Pidato Piala Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Bertemakan Transformasi. Bertempat di Bangunan JPA pada 11 Disember 2014



Dato' Norsham dan Dato' Sabariah dalam Pembentangan Laporan Audit Negara bersama media di RTM

Dato' Norsham bergambar mesra bersama kanak-kanak yang menyertai Program Semarak Ilmu pada 8 Disember 2014 di Pusat Sumber, KPWK



Dato' Norsham menyampaikan Anugerah The Most Inspiring Women di Majlis Majlis Makan Malam Tahunan Women Weekly di The Ritz-Carlton, Kuala Lumpur



Lawatan Datin Paduka Chew Mei Fun Ke Anjung Kasih Pulau Pinang pada 29 November 2014



Persembahan kanak-kanak OKU Konvesyen PDK Kebangsaan 2014 pada 12 November 2014 di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur

Sesi rakaman Program
Mini Parlimen bersama
YB Menteri KPWK



Lawatan Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
ke MAHA di MAEPS

Datin Paduka Chew Mei Fun menyampaikan bantuan keperluan kepada warga emas sempena Hari
Warga Emas pada 29 November 2014 di Kepala Batas, Pulau Pinang.



Karnival Mega Seri
Pengantin
pada
20 November 2014
di Shangri-la Putrajaya



Dato' Sri Rohani
Abdul Karim berSelfie
bersama pasangan
Pengantin di Karnival
Mega Seri Pengantin



Sidang Media Teater Muzikal Diari Wanita
yang bakal dipentaskan mulai 10 Februari 2015



Panduan dan Langkah Menghadapi Banjir

Persediaan Sebelum Banjir

- Dapatkan maklumat tentang banjir di tempat anda.
- Pastikan sistem amaran banjir dan dengar hebahan semasa yang disampaikan melalui radio,televisyen dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan serta Bilik-Bilik Gerakan Banjir Negeri atau Daerah yang berhampiran.
- Periksa lubang air seperi longkang atau saluran najis. Bersihkan halangan dan pastikan ia tertutup apat supaya air banjir tidak masuk melaluinya.
- Pastikan di mana Pusat Pemindahan dan Pusat Bantuan Bencana di tempat anda.
- Sediakan peralatan kecemasan dan bekalan makanan secukupnya.
- Pastikan seluruh keluarga anda mengetahui cara-cara bertindak semasa kecemasan di rumah.

Sebelum Banjir - Semasa Tanda-Tanda Dikesan

- Dengar melalui pengumuman radio, televisyen atau pihak-pihak tertentu.
- Pindahkan perabot atau peralatan-peralatan lain ke tempat yang selamat.
- Letakkan dokumen penting di tempat yang selamat atau bawa bersama anda dalam bekas kalis air.
- Bersedia untuk menutup suis elektrik, injap utama bekalan air dan gas.
- Beritahu jiran anda dan bersedia untuk berpindah.

Semasa Banjir - Semasa Pemindahan

- Apabila menerima arahan, segeralah berpindah ke pusat-pusat pemindahan yang disediakan.
- Berpindah awal sebelum banjir meningkat atau pada waktu siang kerana lebih mudah dan selamat.
- Ikut laluan yang ditentukan, laluan singkat mungkin terhalang.

Semasa Banjir - Di Dalam Kenderaan

- Jangan terus mengharungi kawasan banjir, hendaklah berpatah balik ke tempat yang selamat.
- Jika kenderaan anda terhenti, kunci kenderaan serta tinggalkan kenderaan tersebut dan pergilah ke tempat yang selamat



Semasa Banjir - Di Dalam Rumah

- Dengar pengumuman melalui radio, televisyen atau pihak tertentu.
- Bersedia dengan peralatan kecemasan.
- Jika diarahkan keluar dan berpindah, segera lakukan.

Semasa Banjir - Di Luar Rumah

- Pergi ke tempat tinggi dan selamat.
- Elakkan dari melalui kawasan banjir, arus deras yang boleh menghanyutkan anda.
- Jangan sengaja bersiar-siar di kawasan banjir sama ada dengan sampan mahupun berjalan kaki.
- Jangan sentuh mana-mana kabel atau wayar yang jatuh.
- Awasi kanak-kanak, jangan biarkan mereka bermain-main di longkang, sungai atau lombong.
- Jangan minum air banjir.

Selepas Banjir

- Dengar pengumuman melalui radio atau tunggu arahan pihak yang berkuasa, jangan kembali ke rumah sebelum dibenarkan atau sebelum keadaan benar-benar selamat.
- Beri bantuan kepada jiran anda atau orang kurang upaya (orang tua, kanak-kanak atau golongan istimewa).
- Periksa rumah anda, lihat tanda-tanda rekahan atau mendapan kerana ianya mungkin tidak selamat.
- Jangan terus memasuki rumah yang masih dibanjiri air, berhati-hati banyak bahaya yang tersembunyi.


Selepas Banjir - Semasa Memasuki Bangunan

- Pakai kasut.
- Periksa kerosakkan dinding, lantai, pintu dan tingkap.
- Periksa sebarang kehadiran binatang atau serangga berbisa yang merbahaya. Gunakan kayu untuk mengalihkan sebarang halangan yang bertaburan di lantai rumah anda.
- Perhatikan siling dan plaster dinding yang mungkin rekah, lerai dan jatuh.

Selepas Banjir - Periksa Ancaman Bahaya

- Periksa paip saluran gas yang mungkin pecah atau bocor.
- Periksa wayar elektrik yang terendam di dalam air.
- Periksa peralatan elektrik yang tenggelam.





Total Leadership
“Be a Better Leader,
Have a Richer Life”
Stewart D. Friedman




1 Hari 1 Resipi
365 Resipi Istimewa
Chef Hanieliza



City Of Dark Magic
Magnus Flyte

BUKU TERKINI DI PUSAT SUMBER KPWKM



TOEFL
Grammar Guide
Timothy Dickeson



Leading Apple
With Steve Jobs
Jay Elliot



Nelson Mandela
Conversation With Myself



No 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.
Tel : 03-8323 1000 Faks : 03-8323 2000
Laman Web : www.kpwkm.gov.my
Email : info@kpwm.gov.my